

# Majlis Silat Melaka abaikan tanggungjawab?

ESERTA Silat Terbaik 1986, Ahmad Wardi Salim, mendakwa Majlis Silat Negeri Melaka (MSNM) mengabaikan tanggungjawabnya kepada peserta-peserta silat di negeri itu.

atainya, MSNM tidak menyediakan kelengkapan dan kemudahan latihan peserta-peserta silat negeri itu.


20 OCT 1987

Dleh kerana tidak mempunyai kelengkapan yang cukup, saya dan rakan-rakan yang lain berlatih secara ala kadar sahaja," ka-

tanya. **R. Harian (M)** Ahmad Wardi Salim, peserta negara dalam kelas B di Sukan SEA, Jakarta baru-baru ini dan memenangi pingat gangsa. Dia akan mewakili negara dalam kelas yang sama dalam Kejuaraan Silat Dunia di Kuala Lumpur Disember ini.

"Jika MSNM tidak dapat menyediakan kelengkapan itu, saya terpaksa menunggu latihan lebih sempurna di Kuala Lumpur nanti," katanya.

Ahmad Wardi yang masih ce-



■ A RAHMAN HASSAN

dera kaki kanan itu berhasrat menumpaskan musuh tradisinya, Joko Wedodo dari Indonesia di kejohanan itu.

PERBELANJAAN LATIHAN \$32,000

## Pesaka sudah buat permohonan

20 OCT 1987

**R. Harian (M)**

ERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sudah mengemukakan permohonan sejumlah \$32,000 kepada Majlis Sukan Negara (MSN) untuk perbelanjaan latihan dan membeli peralatan bagi Kejuaraan Silat Dunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

"Permohonan itu sudah dikemukakan secara rasmi kepada Pengurus MSN, Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak minggu lalu," kata Setiausaha Pesaka, A Rahman Hassan.

Beliau memberitahu, setakat ini Pe-

saka belum menerima apa-apa perkembangan terbaru mengenai permohonan itu daripada MSN.

Bagaimanapun, A Rahman percaya MSN akan meluluskan permohonan secepat mungkin sebelum latihan pusat bermula pada 10 November ini.

"Kami tahu mengenai kelewatan mengemukakan permohonan rasmi itu dan MSN mungkin mengambil masa membuat kelulusan," jelasnya.

A Rahman berkata, peruntukan itu adalah menyediakan tiga pasukan, dua pasukan pesilat individu — 30 pesilat — dan satu pasukan silat kembangan.

Lagi pun katanya, Pesaka akan membuat pemilihan semula pesilat wanita negara untuk kejohanan itu pada 7-11 November ini.

Pemilihan itu akan membabitkan pesilat wanita seluruh negara.

Beliau yakin MSN tidak menghamparkan permintaan Pesaka memandangkan ia adalah persiapan untuk Kejohanan Dunia. Tambahan pula Malaysia menjadi tuan rumah.

"Saya mengakui kesilapan membuat permohonan begitu lewat kepada MSN. Ini adalah masalah teknikal Pesaka yang hanya disedari selepas itu," ujarnya.

Sebelum ini, Datuk Seri Najib pernah memberitahu MSN sedia memberi pertimbangan peruntukan kepada Pesaka jika membuat permohonan secara rasmi.

Bagaimanapun, ketika ulasan itu dibuat Menteri Belia dan Sukan belum lagi menerima sebarang permohonan rasmi Pesaka mengenainya.